



---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.4 /1995**

- 1) KOS YANG DIBENARKAN BAGI TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK GERAN LATIHAN TANPA RESIT/DOKUMEN SOKONGAN**  
**2) PENINGKATAN KADAR BANTUAN KEWANGAN BAGI PROGRAM DIPLOMA**

**1.OBJEKTIF**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada majikan berkenaan peraturan tuntutan pembayaran balik geran latihan tanpa resit/dokumen sokongan dan peningkatan kadar bantuan kewangan bagi program Diploma.

**2. Tuntutan Bayaran Balik Elaun Harian Pelatih/Pengajar Syarikat/Pengajar Luar Negeri**

- 2.1.1 Pada masa ini semasa mengemukakan tuntutan bayaran balik perbelanjaan bagi elaun harian pelatih/pengajar syarikat/pengajar luar negeri, dan elaun harian luar negeri, majikan dikehendaki menyertakan dokumen asal resit/bil dan baucer bayaran atau salinan fotostat yang disahkan sebagai membuktikan perbelanjaan telah dilakukan oleh majikan. Tetapi masih terdapat sebilangan kecil majikan gagal berbuat demikian kerana pelbagai sebab. Akibatnya, proses tuntutan mereka menjadi tergendala dan menimbulkan masalah dalam proses pembayaran.

- 2.1.2 Untuk melicinkan urusan pembayaran tuntutan kewangan, Majlis telah memutuskan bahawa tuntutan bantuan kewangan yang tidak dapat disokong dengan resit atau baucer pembayaran asal atau salinan yang disahkan bagi perbelanjaan hotel dan elaun harian pelatih, pengajar syarikat dan pengajar luar negeri, majikan dikehendaki membuat pengesahan seperti di Lampiran A1 dan pembayaran tuntutan kewangan akan berasaskan kepada kelulusan yang telah diberi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(i) Bagi latihan yang dijalankan dalam lingkungan 50 KM, bayaran tuntutan elaun harian adalah RM 25 sehari bagi seorang peserta tertakluk kepada peratusan kadar bantuan kewangan yang ditetapkan mengikut bidang kemahiran;

(ii) Bagi latihan yang dijalankan dalam lingkungan melebihi 50 KM, bayaran peserta adalah RM 75 sehari seorang tertakluk kepada peratusan kadar bantuan kewangan yang ditetapkan mengikut bidang kemahiran;

(iii) Bagi latihan luar negeri, amaun yang dibenarkan adalah RM 175 sehari seorang tertakluk kepada peratusan kadar bantuan kewangan ditetapkan; dan

(iv) Bagi pengajar luar negeri, amaun yang dibenarkan adalah RM 200 sehari seorang pengajar tertakluk kepada peraturan kadar bantuan kewangan yang ditetapkan.

- 2.1.3 Jika majikan membuat tuntutan amaun yang lebih rendah daripada amaun yang ditetapkan diperenggan 2.1.2 di atas, pembayaran bantuan kewangan akan berasaskan amaun sebenar yang dituntut oleh majikan dan tertakluk kepada peratusan kadar bantuan kewangan yang ditetapkan.

- 2.1.4 Jika majikan membuat tuntutan amaun yang lebih tinggi daripada yang telah ditetapkan di perenggan 2.1.2 tanpa mengemukakan resit, bil atau baucer bayaran, tuntutan tersebut dianggap sebagai tuntutan tanpa resit. Dalam hal ini, bayaran akan dibuat berdasarkan amaun di perenggan 2.1.2 tertakluk kepada peratusan kadar bantuan kewangan yang ditetapkan dan borang di [Lampiran A1](#) dikemukakan.

- 2.1.5 Apa-apa perbelanjaan yang kurang daripada amaun yang ditetapkan diperenggan 2.1.2, tuntutan hendaklah dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang dilakukan. Dalam hubungan ini, perhatian tuan adalah ditarik kepada Seksyen 7 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, berkenaan

dengan tuntutan palsu dan yang berbunyi seperti berikut :-

**"Mana-mana orang yang mendapatkan apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang diadakan di bawah Akta ini dengan cara apa-apa pernyataan atau dokumen palsu yang mengelirukan adalah melakukan sesuatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya".**

2.1.6 Apa-apa tuntutan yang melebihi daripada kadar yang ditetapkan di perenggan 2.1.2 dan disertakan dengan resit, bil dan baucer bayaran akan dipertimbangkan mengikut amaun yang telah diluluskan iaitu, mengikut kadar amaun yang berkuatkuasa sekarang atau perbelanjaan sebenar yang dilakukan mengikut mana yang terkurang.

## 2.2 Bahan Latihan Guna Habis

2.2.1 Bagi tuntutan perbelanjaan untuk bahan latihan guna habis yang amaunnya RM 100 atau kurang bagi sesuatu kumpulan pelatih, majikan tidak perlu mengemukakan resit sebagai bukti bayaran dan juga menyempurnakan surat pengakuan di [Lampiran A2](#). Pembayaran balik adalah tertakluk kepada kadar bantuan kewangan yang ditetapkan.

2.2.2 Jika amaun yang dituntut melebihi RM 100 bagi sesuatu kumpulan pelatih, majikan dikehendaki mengemukakan resit sebagai bukti pembayaran. Bagi majikan yang benar-benar tidak dapat mengemukakan resit kerana pembelian secara pukal, pengakuan seperti di Lampiran A2 hendaklah dibuat. Pembayaran balik bantuan kewangan ini juga tertakluk kepada kadar yang ditetapkan.

2.3 Ringkasan bagi amaun yang dicadangkan bagi elaun pelatih/pengajar syarikat/pengajar luar negeri dan bahan latihan guna habis yang baucer bayaran atau resit tidak dikemukakan adalah seperti di [Lampiran B](#).

## 3. PENINGKATAN KADAR BANTUAN KEWANGAN BAGI PROGRAM DIPLOMA

3.1 Memandangkan kadar bantuan kewangan bagi program diploma yang berkuatkuat sekarang agak rendah dan tidak mendapat sambutan yang baik dari majikan, Majlis telah memutuskan kadar ini dinaikkan berdasarkan bidang-bidang kemahiran. Bagi bidang kemahiran teknikal, kraf dan komputer, kadar bantuan kewangan ialah 80%, manakala bagi lain-lain latihan semula dan peningkatan kemahiran, kadar bantuan kewangan ialah 75%.

3.2 Bantuan kewangan bagi program latihan di peringkat Diploma adalah tertakluk di bawah Skim Program Latihan Yang Diluluskan (PROLUS).

## 4. PENUTUP

4.1 Kos yang dibenarkan bagi Elaun Harian dan Bahan Guna Habis di perenggan 2.1 dan 2.2 serta peningkatan kadar bantuan kewangan Program Diploma akan berkuatkuasa mulai 01 Ogos 1995 dan borang seperti di Lampiran A1 dan A2 harus digunakan jika perlu. Adalah diharapkan majikan akan menggunakan sebaik-baiknya pembaharuan kemudahan bantuan kewangan ini untuk mempergiatkan usaha dalam latihan semula pekerja dan meningkatkan lagi keberkesanan mereka.

Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya Yang Menurut Perintah.

**( YAU DE PIYAU )**

Ketua Pengarah  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

**LAMPIRAN A1**  
**MPSM/TR/1/95**

**NOMBOR KOD MAJIKAN**

**BORANG PENGAKUAN**  
**TUNTUTAN BAYARAN BALIK TANPA BAUCER**  
**BAYARAN BAGI ELAUN HARIAN PELATIH/PENGAJAR SYARIKAT/**  
**PENGAJAR LUAR NEGERI DAN ELAUN HARIAN LUAR NEGERI**  
**PELATIH**

(Borang ini hendaklah digunakan sebagai lampiran kepada tuntutan bayaran balik di bawah SBL, PLT, PROLUS dan PERLA tanpa resit/baucer bayaran)

Tajuk kursus

Tarikh mula

Tempat latihan dan jarak dengan syarikat :

Tarikh tamat :

Jenis elaun harian	Bil	Nama dan No. K.P./ Pasport pelatih/ Pengajar Syarikat/ Pengajar luar negeri	Gelaran jawatan	Tuntutan elaun harian (RM sehari) sebenar yang telah dibayar (RM sehari)	Bil. hari latihan	Jumlah tuntutan (RM)
*a) Elaun harian pelatih/pengajar syarikat						
*b) Elaun harian luar negeri pelatih						
*c) Elaun harian pengajar luar negeri						
		Jumlah				

\* (Sila gunakan lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi)

1. Saya mengesahkan semua maklumat yang diberikan berhubung dengan tuntutan ini dan juga maklumat yang disertakan adalah benar dan betul dan segala perbelanjaan yang dituntut tidak kurang dari amaun yang telah dibiayai oleh kami dalam melaksanakan program/kursus yang diluluskan dan selain daripada tuntutan ini, tidak ada apa-apa tuntutan lain dibuat mengenai perbelanjaan tersebut. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini adalah disimpan oleh kami dan boleh diperiksa oleh Urusetia Majlis PSM.

2. Saya mengesahkan bahawa terma-terma dan syarat-syarat untuk bantuan telah dipatuhi.

**TANDATANGAN :** \_\_\_\_\_

**NAMA PENUH :** \_\_\_\_\_  
(Pengerusi/Pengarah Urusan/Pengurus Besar/ Setiausaha Syarikat/  
Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi/Akauntan/Juruaudit Dalam) +

**TARIKH :** \_\_\_\_\_ **Cop Jawatan**

\_\_\_\_\_

Potong mana yang tidak berkenaan

NOMBOR KOD MAJIKAN

**BORANG PENGAKUAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK TANPA RESIT PERBELANJAAN  
MELEBIHI RM100.00 BAHAN LATIHAN GUNAHABIS**

(Borang ini hendaklah digunakan sebagai lampiran kepada tuntutan bayaran balik di bawah  
SBL, PLT, PROLUS dan PERLA tanpa resit)

Tajuk kursus

Tarikh mula

Tempat latihan dan jarak dengan syarikat :

Tarikh tamat :

Butir bahan guna habis	Kos1 unit (RM)	Kuantiti	Jumlah kos (RM)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
Jumlah			

\* (Sila gunakan lampiran berasingan jika ruang tidak mencukupi)

1. Dengan ini saya mengaku bahawa bahan guna habis yang dinyatakan di atas telah digunakan untuk program berkenaan.

**TANDATANGAN :** \_\_\_\_\_

**NAMA PENUH :** \_\_\_\_\_

(Pengerusi/Pengarah Urusan/Pengurus Besar/  
Setiausaha Syarikat/Pemilik Tunggal/Rakan Kongsi/Akauntan/Juruaudit Dalam)

TARIKH : \_\_\_\_\_ Cop Jawatan

---

+ Potong mana yang tidak berkenaan

**RINGKASAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK PENGECUALIAN MENGEMUKAKAN  
RESIT/BAUCER BAYARAN BAGI ELAUN HARIAN PELATIH/PENGAJAR SYARIKAT, PENGAJ.  
LUAR NEGERI DAN BAHAN LATIHAN GUNA HABIS**

<b>JENIS ELAUN</b>	<b>MAKSIMUM KOS YANG DIBENARKAN</b>	<b>TANPA RESIT/BAUCER BAYARAN</b>	<b>DENGAN RESIT/BAUCER BAYARAN</b>
Elaun Harian Pelatih/Pengajar Syarikat(sehari seorang)	50 km ke bawah (RM 50.00) 50 km ke atas (RM 150.00)	50 km ke bawah (RM 25.00 dan ke bawah) 50 km ke atas RM 75.00 dan ke bawah )	50 km ke bawah (melebihi RM25.00) 50 km ke atas (melebihi RM75.00)
Elaun Harian Luar Negeri Pelatih (sehari seorang)	RM 350.00	RM 175.00 dan ke bawah	melebihi RM 175.00
Elaun Harian Pengajar Luar Negeri (sehari seorang)	RM 400.00	RM200.00 dan ke bawah	melebihi RM200.00
Bahan Latihan Gunahabis	Perbelanjaan sebenar yang melebihi RM100 sekumpulan pelatih/peserta	RM 100 bagi satu kumpulan pelatih/peserta	amaun melebihi RM1 bagi satu kumpulan pelatih/peserta